

16/07/1999

Pemulihan bukti kritikan kawalan modal salah

PEMULIHAN ekonomi yang sedang berlaku di Malaysia menjadi bukti semua kritikan yang dilemparkan kepada negara ini ketika melaksanakan kawalan modal dahulu ternyata meleset, kata Clyde Prestowitz Jr, seorang penyelidik ekonomi dari Amerika Syarikat (AS).

Prestowitz yang juga Presiden Economic Strategy Institute, iaitu sebuah badan penyelidikan ekonomi bebas yang berpusat di Washington berkata, sejak sekian lama beliau adalah penyokong kawalan modal secara terhad dan berasa simpati apabila Malaysia dikritik kerana melaksanakan langkah itu.

"Tetapi pengalaman sudah membuktikan kawalan modal itu tidak membawa keburukan, sebaliknya berjaya membawa Malaysia keluar daripada masalah ekonomi yang dihadapinya," katanya pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berada di sini bagi menjalankan penyelidikan berhubung dasar dan pencapaian pemulihan ekonomi negara ini.

Ketika di negara ini Prestowitz yang juga bekas pegawai perdagangan AS mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin.

Beliau turut diberikan taklimat oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Bank Negara Malaysia (BNM), Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta), Danamodal Nasional Bhd (Danamodal) dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Prestowitz menegaskan, beliau terkejut ketika krisis ekonomi di rantau ini bermula lebih setahun yang lalu tidak banyak negara yang menimbang melaksanakan langkah itu.

"Ini kerana kawalan modal secara terhad itu berjaya memulihkan ekonomi Chile. Negara seperti Taiwan dan China yang sememangnya melaksanakan kawalan itu jika dilihat kurang menerima kesan daripada krisis berbanding negara yang lebih terbuka," katanya.

Mengenai pencapaian pemulihan ekonomi negara ini, Prestowitz berkata, ekonomi Malaysia kini sudahpun berada di landasan pemulihan.

Katanya, ini berdasarkan kepada beberapa faktor utama iaitu pasaran eksportnya yang semakin mengukuh dan kejayaan rangsangan fiskal yang dilaksanakan kerajaan bagi mewujudkan permintaan domestik.

Di samping itu, beliau berkata, usaha untuk permodalan semula bank bagi mengurangkan hutang tidak berbayar (NPL) dan penstrukturan semula industri yang terjejas berikutan krisis ekonomi juga berjalan pantas dan cekap.

(END)